## Aktiviti Dibenarkan

- Melaksanakan perkhidmatan perkhidmatan yang dibenarkan.
- Membeli / mendapatkan barang-barang dan perkhidmatan yang dibenarkan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan tugas kehakiman.

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Senarai Aktiviti yang tidak dibenarkan *(Negative List)*

## Arahan Tetap

- Peraturan 14 dan Peraturan 16 RU.(A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan JPBN Sarawak.
- Undang-undang, Arahan dan Peraturan di bawah PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| **Waktu Berkuatkuasa** | **24 jam** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti Ketetapan** | **Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dalam daerah masing-masing kecuali ke Kawasan PKPD** |
|---|---|---|---|---|---|

**A. SYARAT KAWALAN UTAMA**

| Perkara | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **1. KAWASAN YANG TERLIBAT** | Seluruh daerah di Negeri Sarawak |
| **2. TARIKH BERKUATKUASA** | Mulai 3 Januari 2022 (mulai 12.01 pagi) |
| **3. SYARAT TEMPOH OPERASI** | Pengoperasian bagi semua sektor ekonomi/industri, sektor-sektor dan aktiviti-aktiviti lain yang dibenarkan mengikut syarat lesen yang telah dikeluarkan (kecuali dinyatakan secara khusus dalam mana-mana bahagian SOP ini). |
| **4. KAWALAN PERGERAKAN** | 4.1 Kebenaran keluar adalah bagi maksud berikut:<br>a. Melaksanakan apa-apa tugas rasmi.<br>b. Menyediakan apa-apa perkhidmatan yang dibenarkan atau melaksanakan tugasnya berhubung dengan apa-apa perkhimatan yang dibenarkan.<br>c. Mendapatkan perkhidmatan jagaan kesihatan atau perubatan.<br>d. Membeli makanan, keperluan harian atau ubat/penokok diet.<br>e. Membuat urusan berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan yang dibenarkan beroperasi.<br>f. Temujanji/Mendapatkan vaksin.<br>g. Melaksanakan apa-apa aktiviti yang dibenarkan di dalam SOP ini.<br>4.2 Pergerakan rentas negeri adalah **DIBENARKAN**.<br>4.3 Pergerakan rentas negeri untuk masuk ke Negeri Sarawak adalah **DIBENARKAN** tertakluk kepada syarat-syarat yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak (SDMC) melalui SOP Kemasukan ke Negeri Sarawak. |

## Aktiviti Dibenarkan

- Melaksanakan perkhidmatan perkhidmatan yang dibenarkan.
- Membeli / mendapatkan barang-barang dan perkhidmatan yang dibenarkan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan tugas kehakiman.

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Senarai Aktiviti yang tidak dibenarkan *(Negative List)*

## Arahan Tetap

- Peraturan 14 dan Peraturan 16 RU.(A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan JPBN Sarawak.
- Undang-undang, Arahan dan Peraturan di bawah PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti Ketetapan | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dalam daerah masing-masing kecuali ke Kawasan PKPD |
|---|---|---|---|---|---|

**A. SYARAT KAWALAN UTAMA**

| Perkara | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **4. KAWALAN PERGERAKAN** | 4.4 Pergerakan rentas daerah bagi kenderaan komersil, kenderaan pengangkutan awam dan urusan rasmi Kerajaan adalah **DIBENARKAN** dengan syarat telah mendapat dua (2) dos vaksinasi lengkap Covid-19.<br>4.5 Pergerakan rentas daerah secara ulang alik bagi pekerja yang tinggal di daerah yang berlainan adalah **DIBENARKAN**.<br>4.6 Individu persendirian yang telah mendapat dua (2) dos vaksinasi lengkap Covid-19 adalah **DIBENARKAN** merentas daerah.<br>4.7 Individu dan kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah yang berisiko tinggi adalah tidak digalakkan keluar rumah ke kawasan awam, terbuka dan sesak **KECUALI ditemani oleh ibubapa atau penjaga yang telah lengkap vaksinasi Covid-19.** |
| **5. SYARAT KAPASITI AKTIVITI PEKERJAAN** | **KAPASITI KEHADIRAN BEKERJA SEKTOR KERAJAAN DAN SEKTOR EKONOMI**<br>5.1 Kapasiti Operasi Perkhidmatan Awam adalah tertakluk kepada Pekeliling/Arahan yang dikeluarkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak dan Setiausaha Persekutuan Sarawak.<br>5.2 Kapasiti kehadiran pekerja bagi **SEKTOR SWASTA yang dibenarkan adalah 100% dengan syarat semua pekerja telah mendapat vaksinasi lengkap Covid-19 bagi syarikat/institusi/organisasi** termasuk operasi dan pengurusan kecuali jika dinyatakan sebaliknya pada mana-mana bahagian SOP ini. Majikan adalah bertanggungjawab untuk memastikan protokol kesihatan dipatuhi sepanjang operasi di premis masing-masing. |

## Aktiviti Dibenarkan

- Melaksanakan perkhidmatan perkhidmatan yang dibenarkan.
- Membeli / mendapatkan barang-barang dan perkhidmatan yang dibenarkan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan tugas kehakiman.

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Senarai Aktiviti yang tidak dibenarkan *(Negative List)*

## Arahan Tetap

- Peraturan 14 dan Peraturan 16 RU.(A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan JPBN Sarawak.
- Undang-undang, Arahan dan Peraturan di bawah PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti Ketetapan | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dalam daerah masing-masing kecuali ke Kawasan PKPD |
|---|---|---|---|---|---|

**A. SYARAT KAWALAN UTAMA**

| Perkara | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **5. SYARAT KAPASITI AKTIVITI PEKERJAAN** | **<u>KAPASITI KEHADIRAN BAGI AKTIVITI SEKTOR AWAM, SEKTOR KERAJAAN DAN SEKTOR EKONOMI</u>**<br>5.3 **SEMINAR/BENGKEL/KURSUS/LATIHAN/PERSIDANGAN/CERAMAH/TAKLIMAT/PROGRAM** adalah **DIBENARKAN** tertakluk kepada SOP yang sedang berkuatkuasa dengan penganjur/peserta juga adalah dikehendaki mematuhi SOP Protokol Kesihatan yang berkuatkuasa.<br>5.4 **MESYUARAT** adalah **DIBENARKAN** tertakluk kepada SOP yang sedang berkuatkuasa dengan penganjur/peserta juga adalah dikehendaki mematuhi SOP Protokol Kesihatan yang berkuatkuasa. Walau bagaimanapun, mesyuarat adalah digalakkan untuk dilaksanakan secara sidang video.<br>5.5 **LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN** adalah **DIBENARKAN**.<br>5.6 Penganjuran **MICE (MEETINGS, INCENTIVES, CONVENTIONS AND EXHIBITIONS)** adalah **DIBENARKAN** tertakluk kepada SOP yang sedang berkuatkuasa dengan penganjur/peserta juga adalah dikehendaki mematuhi SOP Protokol Kesihatan yang berkuatkuasa.<br>* Pelaksanaan secara hybrid kehadiran secara fizikal dan secara maya adalah amat digalakkan.<br>** Penganjur adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan **hanya individu yang telah menerima vaksinasi lengkap Covid-19 dibenarkan hadir** tertakluk kepada kapasiti ruang dengan penjarakan fizikal. Peserta adalah digalakkan menjalankan ujian saringan kendiri sebelum menghadiri aktiviti di atas. |
| | **<u>KAPASITI PENUMPANG BAGI KENDERAAN AWAM, SEKTOR KERAJAAN DAN SEKTOR EKONOMI</u>**<br>5.7 Pergerakan Kenderaan Rasmi Jabatan Kerajaan atau Kereta Rasmi Jawatan adalah dibenarkan mengikut kapasiti tempat duduk kenderaan tersebut.<br>5.8 Perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas henti-henti, bas ekspres, bot ekspres, teksi/e-hailing, kenderaan membawa pekerja seperti bas/van pekerja dan lain-lain pengangkutan awam **DIBENARKAN** beroperasi tertakluk kepada ketetapan oleh Kementerian Pengangkutan Negeri Sarawak.<br>5.9 Bilangan orang yang dibenarkan di dalam kenderaan membawa barangan dan perkhidmatan perlu serta rantaian aktiviti ekonomi/industri bergantung kepada lesen pendaftaran kenderaan perdagangan.<br>5.10 Bilangan kapasiti termasuk pemandu dalam kenderaan persendirian adalah mengikut kapasiti kenderaan. |

## Aktiviti Dibenarkan

- Melaksanakan perkhidmatan perkhidmatan yang dibenarkan.
- Membeli / mendapatkan barang-barang dan perkhidmatan yang dibenarkan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan tugas kehakiman.

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Senarai Aktiviti yang tidak dibenarkan *(Negative List)*

## Arahan Tetap

- Peraturan 14 dan Peraturan 16 RU.(A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan JPBN Sarawak.
- Undang-undang, Arahan dan Peraturan di bawah PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| **Waktu Berkuatkuasa** | **24 jam** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti Ketetapan** | **Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dalam daerah masing-masing kecuali ke Kawasan PKPD** |
|---|---|---|---|---|---|

**A. SYARAT KAWALAN UTAMA**

| **Perkara** | **Penerangan Ringkas** |
|---|---|
| **6. PROTOKOL KESIHATAN** | 6.1 Pemilik premis memastikan kawalan keluar masuk pelanggan ke premis dengan penjarakan fizikal 1 meter. Pemilik premis hendaklah menyediakan hand sanitizers/tempat cuci tangan (termasuk sabun) dan memastikan pelanggan check-in premis menggunakan MySejahtera. Walau bagaimanapun, pemilik premis adalah digalakkan untuk membuat saringan suhu badan dan menyediakan buku rekod manual (bagi pelanggan yang tidak mempunyai telefon pintar atau kawasan yang tidak mempunyai liputan internet yang baik) ke atas pelanggan yang memasuki premis masing-masing. Pihak pemilik kompleks dan premis diluar kompleks perlu memastikan **hanya pelanggan dengan status “Low Risk” termasuk “Casual Contact Low Risk” dalam MySejahtera dibenarkan masuk** ke kompleks atau premis masing-masing. Bagi mereka yang berstatus “Kontak Rapat”, “Person Under Surveillance” dan “Patient Under Investigation” adalah **TIDAK DIBENARKAN** memasuki premis dan ianya perlu dilaporkan kepada Pejabat Kesihatan Bahagian masing-masing.<br>6.2 Pemilik premis **menghadkan bilangan pelanggan** berada di premis dengan penjarakan fizikal 1 meter radius dan **MEMAPARKAN JUMLAH MAKSIMUM PELANGGAN** dalam premis pada satu-satu masa **yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan**. Penggunaan sistem nombor giliran perlu digalakkan bagi pelanggan masuk dari sesuatu premis.<br>6.3 Diwajibkan memakai pelitup muka terutama apabila berada di tempat awam yang sesak **kecuali** bagi aktiviti dan tempat seperti berikut:<br>a. Kediaman sendiri dan melibatkan ahli isi rumah<br>b. Bilik Hotel/Penginapan Berbayar Bersendirian dan melibatkan ahli isi rumah<br>c. Ruang kerja bersendirian<br>d. Aktiviti sukan & rekreasi Indoor dan Outdoor<br>e. Kenderaan sendiri dan melibatkan ahli isi rumah<br>f. Kawasan dan tempat awam indoor/outdoor tanpa ada individu lain<br>g. Sewaktu makan dan minum di tempat awam |

## Aktiviti Dibenarkan

- Melaksanakan perkhidmatan perkhidmatan yang dibenarkan.
- Membeli / mendapatkan barang-barang dan perkhidmatan yang dibenarkan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan tugas kehakiman.

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Senarai Aktiviti yang tidak dibenarkan *(Negative List)*

## Arahan Tetap

- Peraturan 14 dan Peraturan 16 RU.(A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan JPBN Sarawak.
- Undang-undang, Arahan dan Peraturan di bawah PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| **Waktu Berkuatkuasa** | **24 jam** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti Ketetapan** | **Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dalam daerah masing-masing kecuali ke Kawasan PKPD** |
|---|---|---|---|---|---|

**A. SYARAT KAWALAN UTAMA**

| Perkara | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **6. PROTOKOL KESIHATAN** | 6.4 Pekerja, pembekal dan pelanggan **DIWAJIBKAN MEMAKAI PELITUP MUKA DENGAN BETUL** mengikut saranan KKM ketika berada di premis.<br>6.5 Hanya Majikan/Operator/Pekerja-Pekerja sektor swasta yang telah mendapat vaksinasi lengkap Covid-19 dengan lengkap **DIBENARKAN** bekerja. Pemilik/Operator/Pekerja premis **DIWAJIBKAN** untuk memastikan hanya pelanggan yang telah mendapatkan **vaksinasi lengkap Covid-19 DIBENARKAN** membeli bekalan atau mendapatkan perkhidmatan (pengesahan boleh dilakukan melalui aplikasi MySejahtera-Digital Certificate atau Kad Vaksinasi Covid-19).<br>6.6 Majikan adalah wajib memastikan perkara-perkara seperti berikut dilaksana:<br>**a. Pekerja mendaftar kehadiran bertugas dengan menggunakan MySejahtera** atau secara manual (nama, no. telefon, tarikh dan masa) sekiranya kawasan tersebut tiada liputan internet.<br>b. Pekerja yang bergejala adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk bekerja dan dikehendaki untuk menjalankan ujian saringan Covid-19 di Klinik-klinik Kesihatan yang berdekatan.<br>c. Pekerja yang dikenalpasti sebagai Person Under Surveillance (PUS) adalah **TIDAK DIBENARKAN** bekerja sehingga mereka telah tamat tempoh kuarantin (serta diberikan Release Order oleh pihak kesihatan) dan selesai menjalani ujian saringan Covid-19 yang telah ditetapkan.<br>d. Pekerja **TIDAK DIBENARKAN** untuk makan secara berkumpulan tanpa penjarakan sosial semasa rehat dan sebagainya ditempat yang telah ditetapkan (dalam premis) oleh majikan.<br>e. Pemakaian pelitup muka (facemask) dan penjarakan fizikal di dalam kenderaan membawa barangan dan perkhidmatan perniagaan/industri.<br>f. Majikan adalah digalakkan melakukan saringan rawak secara berkala dengan menggunakan kit saringan kendiri yang telah diluluskan oleh Kementerian Kesihatan bagi memastikan pekerja bebas dari jangkitan Covid-19. |

## Aktiviti Dibenarkan

- Melaksanakan perkhidmatan perkhidmatan yang dibenarkan.
- Membeli / mendapatkan barang-barang dan perkhidmatan yang dibenarkan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan tugas kehakiman.

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Senarai Aktiviti yang tidak dibenarkan *(Negative List)*

## Arahan Tetap

- Peraturan 14 dan Peraturan 16 RU.(A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan JPBN Sarawak.
- Undang-undang, Arahan dan Peraturan di bawah PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| **Waktu Berkuatkuasa** | **24 jam** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti Ketetapan** | **Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dalam daerah masing-masing kecuali ke Kawasan PKPD** |
|---|---|---|---|---|---|

**B. AKTIVITI DALAM KAWASAN KAWALAN – SEKTOR SOSIAL**

| Perkara | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **7. AKTIVITI KEAGAMAAN** | 7.1 Urusan Masjid/Surau serta aktiviti keagamaan adalah tertakluk kepada Pekeliling/Arahan/SOP yang ditentukan oleh Majlis Islam Sarawak setelah mendapat kelulusan JPBN Sarawak.<br>7.2 Urusan di semua rumah ibadat serta aktiviti keagamaan bukan Islam adalah tertakluk kepada SOP yang dikeluarkan oleh pihak Unit Hal Ehwal Agama-Agama Lain (UNIFOR) setelah mendapat kelulusan JPBN Sarawak.<br>7.3 Urusan/Upacara pengkebumian yang tidak berkaitan Covid-19 adalah tertakluk kepada SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Islam Sarawak bagi Agama Islam dan UNIFOR bagi Bukan Islam setelah mendapat kelulusan JPBN Sarawak.<br>7.4 Sambutan Perayaan bagi Agama Islam dan Bukan Islam adalah tertakluk kepada SOP yang dikeluarkan oleh Majlis Islam Sarawak dan UNIFOR setelah mendapat kelulusan JPBN Sarawak. |
| **8. MAJLIS SOSIAL** | 8.1 Penganjuran Majlis Sosial seperti kenduri-kendara, majlis pernikahan (**kecuali urusan akad nikah/pernikahan bukan Islam yang tertakluk kepada Pekeliling/Arahan/SOP yang ditentukan oleh Majlis Islam Sarawak bagi Agama Islam dan UNIFOR bagi bukan Islam**), majlis perkahwinan dan pertunangan, resepsi, majlis aqiqah, doa selamat, tahlil, sambutan ulang tahun, sambutan hari kelahiran, reunion, retreat dan lain-lain majlis sosial adalah **DIBENARKAN** dengan kehadiran **maksimum keseluruhan (termasuk krew dan sebagainya) 350 orang sahaja atau 50% kapasiti premis pada satu-satu masa. Penganjur adalah bertanggungjawab sepenuhnya memastikan jemputan mematuhi Protokol Kesihatan yang berkuatkuasa.**<br><br>** Penganjur adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan **hanya individu yang telah menerima vaksinasi lengkap Covid-19 dibenarkan hadir** tertakluk kepada kapasiti ruang dengan penjarakan fizikal. Peserta adalah digalakkan menjalankan ujian saringan kendiri sebelum menghadiri aktiviti di atas. |

## Aktiviti Dibenarkan

- Melaksanakan perkhidmatan perkhidmatan yang dibenarkan.
- Membeli / mendapatkan barang-barang dan perkhidmatan yang dibenarkan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan tugas kehakiman.

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Senarai Aktiviti yang tidak dibenarkan *(Negative List)*

## Arahan Tetap

- Peraturan 14 dan Peraturan 16 RU.(A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan JPBN Sarawak.
- Undang-undang, Arahan dan Peraturan di bawah PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| Waktu Berkuatkuasa | 24 jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti Ketetapan | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dalam daerah masing-masing kecuali ke Kawasan PKPD |
|---|---|---|---|---|---|

**B. AKTIVITI DALAM KAWASAN KAWALAN – SEKTOR SOSIAL**

| Perkara | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **9. AKTIVITI SUKAN (RASMI)** | 9. 1 Aktiviti sukan yang tidak bersentuhan (*non-contact sports*) serta sukan bersentuhan kategori individu dan berpasukan **bagi tujuan aktiviti latihan, permainan, perlawanan dan kejohanan** adalah **DIBENARKAN terhad kepada individu yang telah menerima vaksinasi lengkap Covid-19** tertakluk kepada kelulusan Kementerian Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak (MYSS) serta dimaklumkan kepada JPBN Sarawak.<br>9.2 Penganjuran kejohanan / pertandingan tempatan dan antarabangsa bagi sukan tidak bersentuhan (*non-contact sports*) adalah **DIBENARKAN** tertakluk kepada kelulusan MYSS. Kebenaran kemasukan peserta/pegawai luar negara ke Malaysia tertakluk kepada Jabatan Imigresen Malaysia dengan surat sokongan MYSS dan dimaklumkan kepada JPBN Sarawak.<br>9.3 Penganjuran kejohanan/pertandingan/acara sukan massa adalah **DIBENARKAN tertakluk kepada kelulusan** MYSS dan hanya **terhad kepada individu yang telah menerima vaksinasi lengkap Covid-19** dengan penyertaan tidak melebihi 350 orang dalam satu-satu masa. Penganjuran adalah seperti *triathlon, open water swimming, marathon,trail run, obstacle run,* dan seumpamanya.<br>9.4 Kehadiran penonton/penyokong ke venue sukan dan rekreasi **TERTAKLUK** kepada 50% kapasiti kawasan/tempat duduk atau 20,000 orang (yang mana lebih rendah) **terhad kepada individu yang telah menerima vaksinasi lengkap Covid-19** sahaja termasuk anak-anak yang telah menerima vaksinasi lengkap. Walaubagaimanapun, anak-anak dibawah umur 18 tahun yang belum melengkapkan/ menerima vaksinasi lengkap tidak dibenarkan masuk. |
| **10. AKTIVITI REKREASI AWAM** | 10. 1 Aktiviti rekreasi/sukan individu atau yang tidak bersentuhan (*non-contact sports*) dan sukan bersentuhan serta lain-lain sukan rekreasi bagi orang awam adalah **DIBENARKAN terhad kepada individu yang telah menerima vaksinasi lengkap Covid-19** dengan pematuhan SOP Sukan dan Rekreasi yang dikeluarkan oleh MYSS.<br>10.2 Taman-taman awam adalah **DIBENARKAN** beroperasi dengan pematuhan SOP Sukan dan Rekreasi yang dikeluarkan oleh MYSS. |

## Aktiviti Dibenarkan

- Melaksanakan perkhidmatan perkhidmatan yang dibenarkan.
- Membeli / mendapatkan barang-barang dan perkhidmatan yang dibenarkan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan tugas kehakiman.

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Senarai Aktiviti yang tidak dibenarkan *(Negative List)*

## Arahan Tetap

- Peraturan 14 dan Peraturan 16 RU.(A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan JPBN Sarawak.
- Undang-undang, Arahan dan Peraturan di bawah PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| **Waktu Berkuatkuasa** | **24 jam** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti Ketetapan** | **Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dalam daerah masing-masing kecuali ke Kawasan PKPD** |
|---|---|---|---|---|---|

**B. AKTIVITI DALAM KAWASAN KAWALAN – SEKTOR SOSIAL**

| Perkara | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **11. PUSAT JAGAAN KANAK-KANAK/ TABIKA/TADIKA/ TASKA DAN PUSAT JAGAAN BERKEDIAMAN /PUSAT REHABILITASI KANAK-KANAK, ORANG KELAINAN UPAYA, WARGA EMAS DAN WANITA/PUSAT JAGAAN PELBAGAI** | 11.1 Kesemua pusat-pusat yang dinyatakan di atas **DIBENARKAN** Beroperasi Tertakluk Kepada Kelulusan Beroperasi Oleh Kementerian Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga Dan Pembangunan Kanak-kanak Sarawak (KKWPK).<br>11.2 Ibubapa/Penjaga yang menghantar anak-anak ke pusat-pusat yang diluluskan beroperasi adalah dibenarkan menggunakan kenderaan dengan jumlah penumpang kanak-kanak **mengikut kapasiti kenderaan.**<br>11.3 Operator premis perlu memastikan hanya ibubapa/individu check-in premis menggunakan MySejahtera serta yang mempunyai status “Risiko Rendah/Low Risk” sahaja dibenarkan untuk menghantar kanak- kanak ke premis (bagi premis yang tidak mempunyai liputan internet atau individu yang tidak menggunakan MySejahtera, pemeriksaan tahap kesihatan secara manual seperti dibawah boleh dilaksanakan). Bagi mereka yang berstatus “Kontak Rapat”, “Person Under Surveillance” dan “Patient Under Investigation” adalah **TIDAK DIBENARKAN** memasuki premis dan ianya perlu dilaporkan kepada Pejabat Kesihatan Bahagian masing-masing.<br>11.4 Ibubapa **TIDAK DIBENARKAN** menghantar kanak-kanak ke pusat-pusat yang diluluskan beroperasi sekiranya:<br>a. Kanak-kanak bergejala seperti demam, batuk, selsema atau cirit-birit.<br>b. Ibubapa bergejala seperti demam, batuk selsema atau cirit-birit.<br>c. Terdapat ahli keluarga merupakan PUS (sila maklumkan kepada pihak pengurusan taska) |
| **12. PENDIDIKAN** | 12.1 Semua Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Institut Latihan Kemahiran, sekolah selain di bawah KPM, pusat tahfiz dan institusi-institusi Pendidikan lain adalah tertakluk kepada keputusan yang telah diumumkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.<br>12.2 Semua sekolah bawah KPM, institusi Pendidikan swasta kategori sekolah dan pusat seperti pusat tuisyen (termasuk home tuition), pusat bahasa, pusat kemahiran, pusat bimbingan dan lain-lain yang berdaftar bawah KPM adalah tertakluk kepada keputusan yang telah diumumkan oleh KPM.<br>12.3 Lain-lain keputusan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak setelah mendapat nasihat dan persetujuan dari Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak. |

## Aktiviti Dibenarkan

- Melaksanakan perkhidmatan perkhidmatan yang dibenarkan.
- Membeli / mendapatkan barang-barang dan perkhidmatan yang dibenarkan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan tugas kehakiman.

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Senarai Aktiviti yang tidak dibenarkan *(Negative List)*

## Arahan Tetap

- Peraturan 14 dan Peraturan 16 RU.(A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan JPBN Sarawak.
- Undang-undang, Arahan dan Peraturan di bawah PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| **Waktu Berkuatkuasa** | **24 jam** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti Ketetapan** | **Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dalam daerah masing-masing kecuali ke Kawasan PKPD** |
|---|---|---|---|---|---|

**C. AKTIVITI DALAM KAWASAN KAWALAN – SEKTOR EKONOMI**

| **Perkara** | **Penerangan Ringkas** |
|---|---|
| **13. SEKTOR EKONOMI, INDUSTRI, PERKHIDMATAN** | 13.1 Seluruh sektor ekonomi, industri dan perkhidmatan **DIBENARKAN** beroperasi mengikut syarat tempoh lesen operasi yang telah ditetapkan **KECUALI** disenaraikan pada mana-mana bahagian SOP ini atau disenaraikan dalam Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan **(Negative List).**<br><br>* **SOP khusus bagi sektor tertentu yang telah diluluskan oleh SDMC akan dipaparkan melalui laman sesawang SDMC.** |
| **14. SEKTOR PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** | 14.1 Aktiviti-aktiviti berikut dibenarkan beroperasi dengan mematuhi penjarakan fizikal, mewajibkan pemakaian pelitup muka dan berdasarkan SOP yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan Sarawak:-<br>a. Produk tarikan pelancong awam seperti zoo, farms, akuarium, pusat edutainment, taman rekreasi, extreme/adventure/nature parks dan lain-lain.<br>b. Premis hasil seni, budaya dan warisan seperti muzium, perpustakaan, galeri seni, pusat/kampung seni warisan budaya, pentas persembahan budaya dan lain-lain.<br>c. Lain-lain aktiviti pelancongan dan kebudayaan SELAIN di bawah **Senarai Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan (Negative List**) adalah tertakluk kepada SOP Sektor Pelancongan yang telah diluluskan oleh SDMC.<br><br>14.2 **Pemilik/Operator/Pekerja premis bertanggungjawab sepenuhnya memastikan pengunjung mematuhi Protokol Kesihatan yang berkuatkuasa.** |

## Aktiviti Dibenarkan

- Melaksanakan perkhidmatan perkhidmatan yang dibenarkan.
- Membeli / mendapatkan barang-barang dan perkhidmatan yang dibenarkan.
- Mendapatkan rawatan kesihatan dan perubatan.
- Menjalankan urusan Rasmi Kerajaan dan tugas kehakiman.

## Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Senarai Aktiviti yang tidak dibenarkan *(Negative List)*

## Arahan Tetap

- Peraturan 14 dan Peraturan 16 RU.(A) 293/2021.
- Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN, KKM dan JPBN Sarawak.
- Undang-undang, Arahan dan Peraturan di bawah PBT.
- Lain-lain arahan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan.

| **Waktu Berkuatkuasa** | **24 jam** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti Ketetapan** | **Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dalam daerah masing-masing kecuali ke Kawasan PKPD** |
|---|---|---|---|---|---|

**D. SENARAI AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN (NEGATIVE LIST)**

| Perkara | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| **15. SEKTOR EKONOMI** | 1. Aktiviti di kelab malam atau pub.<br>2. Pusat hiburan lain yang tidak memenuhi syarat lesen yang telah ditetapkan oleh PBT. |
| **16. LAIN-LAIN AKTIVITI** | 1. Aktiviti massa secara terbuka yang melibatkan pergerakan dan perkumpulan ramai yang menyukarkan penjarakan fizikal dalam satu-satu masa seperti *fun run, fun ride, marathon, triathlon* dan sebagainya tanpa kelulusan MYSS.<br>2. Apa-apa aktiviti yang boleh menyebabkan ramai orang hadir di suatu tempat sehingga menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan kepada arahan Ketua Pengarah Kesihatan.<br>3. Lain-lain aktiviti yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak dari semasa ke semasa. |